



# جابتن كواغن دان قربندا هاراعن نخري

## JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara  
Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh  
75450 MELAKA

Tel. (ONCC) : 06-333 3333  
Faks : 06-231 6489  
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Rujukan kami : PNM(KPS)125 Jld2(13)

Tarikh : 14hb, Disember 2016

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab  
Negeri Melaka  
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk Seri/YB Datuk/Tuan/Puan,

### PENJELASAN SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL. 11 TAHUN 2016

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Surat ini bertujuan untuk memperincikan Tatacara Bayaran Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Tahun 2016. Semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab perlu mematuhi Surat Arahan Operasi Bendahari Negeri Bilangan 11 Tahun 2016 yang telah dikeluarkan pada 8hb November 2016.

3. Lanjutan daripada perkara tersebut Pejabat Perbendaharaan ingin menarik perhatian YB Datuk Seri/YB Datuk/Tuan/Puan mengenai beberapa perkara berhubung Tatacara Bayaran Bagi Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Tahun 2016 selaras dengan **para 7** Arahan Operasi Bendahari Negeri Bilangan 11 Tahun 2016 seperti berikut :-

- 3.1 Bayaran untuk Elaun Lebih Masa dan Tuntutan Elaun Perjalanan hendaklah dibayar sehingga 23hb Disember sahaja, selepas tarikh tersebut hendaklah dibayar di bawah AP58(a);
- 3.2 Pembayaran untuk Pekerja Sambilan Harian (PSH) bagi bulan Disember – Dibenarkan dibayar penuh, jika ada lebihan Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk mengutip balik;
- 3.3 Pembayaran gaji pegawai yang keluar dari Payroll bagi bulan Disember – Dibenarkan dibayar penuh, jika ada lebihan, Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk mengutip balik;
- 3.4 Bayaran dengan amaun tetap seperti Astro, bil celcom dan lain-lain adalah dibenarkan sebelum 23hb Disember 2016;
- 3.5 Bayaran untuk Pos Malaysia, Surat Khabar dan Bayaran untuk meter Reading Photostat hendaklah dibayar dalam bulan Disember 2016;
- 3.6 Bayaran bagi sewaan yang mempunyai perjanjian, pembayaran untuk bulan Disember dibenarkan sebelum atau pada 23hb Disember 2016.




4. Sehubungan dengan itu semua baucar bayaran hendaklah dihantar sebelum atau pada pukul dua belas (12.00) tengahari, 23hb Disember 2016. Selepas tarikh tersebut semua bayaran dibayar di bawah AP58(a) dengan merujuk kepada Surat Arahan Operasi Bendahari Negeri Bil. 5 Tahun 2016 yang bertarikh 23hb Mei 2016.

5. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Pegawai di Unit Perkhidmatan Operasi ditalian 06-2307 589/2307 590/ 2307 662 / 2307 441.

Sekian, terima kasih.

**“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II”**  
**“BERKAT, TEPAT, CEPAT”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
(NORIFAH BINTI NORDIN CA(M))  
Bendahari Negeri,  
MELAKA

s. k : YB Pegawai Kewangan Negeri – Untuk makluman